



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara guru ditipu RM197,000
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 2 July 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 22

Pesara guru ditipu RM197,000

Diperdaya seorang individu menyamar sebagai warga Ukraine

NORJULIANA YAACOB

PENDANG

Seorang pesara guru berusia 58 tahun kerugian RM197,000 selepas diperdaya oleh seorang individu yang menyamar sebagai warga Ukraine.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Annuar Amri Abd Muluf berkata, perkenalan melalui Facebook pada Februari lalu pada asalnya bertujuan menjadikan mangsa sebagai kakak angkatnya.

Katanya, suspek dika-

takan memberitahu mangsa bahawa dia bekerja di Sabah untuk satu projek Gas Petronas.

"Dalam kejadian pada 10 April lalu, wanita berkenaan telah menerima panggilan daripada kenalan Facebook itu. Kenalannya itu mendakwa telah ditahan oleh pihak kastam atas kesalahan membawa wang tunai dolar Amerika Syarikat yang melebihi had.

"Mangsa juga dihubungi oleh seorang wanita yang mengaku dirinya sebagai pegawai kastam," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Annuar, wanita yang menyamar sebagai pegawai kastam memberitahu mangsa bahawa kenalannya akan ditahan atas kesalahan membawa masuk wang dolar Amerika Syarikat melebihi had.

"Mangsa juga diminta



ANNUAR

membayar sebanyak RM77,000 bagi tujuan membebaskan kenalannya. Mangsa telah membuat transaksi wang yang diminta ke akaun bank milik seorang wanita Melayu," katanya.

Tambah Annuar, selepas dibebaskan oleh pihak Kastam, kenalan Facebook mangsa berjanji akan membayar semula wang mangsa.

"Dia turut meminta

info

Mangsa telah membuat transaksi wang ke akaun bank milik seorang wanita Melayu

mangsa meminjamkan akaun bank bagi tujuan memasukkan wang berjumlah RM2 juta untuk tujuan perniagaan di Malaysia.

"Seterusnya mangsa mendapat panggilan telefon daripada seseorang yang mengaku pegawai bank dari Pulau Pinang memberitahu terdapat transaksi wang hendak dibuat ke akaun bank mangsa.

"Mangsa kemudian dihubungi oleh kenalan Facebook tersebut meminta mangsa membayar cukai antarabangsa berjumlah RM40,000 ke

akaun bank syarikat," jelasnya.

Menurut Annuar, selepas itu pegawai bank tersebut memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan rumah dan mengarahkan mangsa membuat bayaran RM75,000 ke akaun bank individu yang lain sebelum wang RM2 juta tersebut dapat dipindahkan ke akaun mangsa.

"Mangsa telah membuat pembayaran seperti yang diarahkan oleh pegawai bank tersebut namun pegawai bank itu memberitahu bahawa tempoh pembayaran telah tamat tempoh menyebabkan wang RM2 juta tidak dapat dikreditkan ke akaun mangsa serta perlu diserahkan kepada Bank Barclays International Kuala Lumpur.

"Wanita berkenaan kemudian dihubungi oleh seseorang yang mengaku

pegawai Bank Barclays International dan meminta beliau membayar cukai RM5,000 ke dalam satu akaun wanita Melayu jika mahu mendapatkan semula wang RM2 juta itu," jelasnya.

Annuar berkata, mangsa telah memasukkan jumlah wang yang diminta tersebut secara berperingkat sebanyak empat kali transaksi melalui perkhidmatan kaunter ke akaun bank yang berkenaan.

"Namun begitu, mangsa menyedari telah ditipu selepas anaknya mendapat tahu dia telah mengeluarkan semua wang simpanan pesara.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis pada 29 Jun lalu dan dia dipercayai telah diperdaya oleh sindiket Parcel Scam yang didalangi oleh warga Afrika," katanya.